

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**
RUJUKAN : **BL5 [PR-1323-T64523]**
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jenis cukai yang dikutip oleh DBKL dan jumlah kutipan setiap jenis cukai tersebut pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Nyatakan jangkaan pertambahan pendapatan DBKL selepas pelaksanaan kadar penilaian hartanah baru di Kuala Lumpur pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, hasil cukai taksiran DBKL bagi tahun 2012 dan 2013 seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH (RM)
2012	868,953,620
2013	909,400,419

Jangkaan pertambahan pendapatan hasil daripada pelaksanaan Penilaian semula hartanah di Kuala Lumpur yang dijalankan pada tahun 2014 adalah dianggarkan sebanyak RM70 juta sahaja.